



**JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

**GARIS PANDUAN  
KESELAMATAN KANAK-KANAK DI  
TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK (TASKA)  
BERDAFTAR**

**JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

## KANDUNGAN

1.	PENGENALAN	2
2.	LATAR BELAKANG	3
3.	OBJEKTIF	3
4.	PUNCA KUASA	3
5.	TUJUAN	4
6.	SKOP	4
7.	KAEDAH PELAKSANAAN	5 – 10
8.	PENUTUP	10

## 1. PENGENALAN

- 1.1 Selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC) yang menekankan empat aspek iaitu kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa berusaha untuk memastikan halatuju dan masa depan yang lebih baik untuk kanak-kanak. Akta Kanak-Kanak 2001 juga mengiktiraf bahawa seseorang kanak-kanak bukan sahaja merupakan satu komponen yang penting dalam masyarakat tetapi juga merupakan kunci kehidupan, pembangunan dan kemakmuran masyarakat. Menyedari akan perkara ini, salah satu isu yang sering dibincangkan adalah berkaitan keselamatan kanak-kanak supaya kanak-kanak selamat dan sejahtera.
- 1.2 Isu penderaan dan pengabaian kanak-kanak semakin menarik perhatian semua pihak kerana isu ini banyak tersebar di laman sosial, dada akhbar dan sebagainya. Ianya seolah berterusan tanpa titik noktah dan menjadi gejala sosial yang membimbangkan. Begitu juga dengan insiden yang melibatkan kanak-kanak di Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA). Kanak-kanak di TASKA terdedah dengan bahaya dan risiko cedera dan kemalangan di TASKA, malah ada yang melibatkan kehilangan jiwa.
- 1.3 Bersesuaian dengan kehendak dan keperluan semasa, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) komited untuk memastikan TASKA yang berdaftar menjadi premis yang selamat kepada kanak-kanak bawah empat (4) tahun. Ini adalah dengan menghubungkan amalan terbaik aspek tanggungjawab pengusaha TASKA, pencegahan jenayah dan serta keselamatan kanak-kanak.

## **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Sebagai agensi yang mengawal selia Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308], JKM telah mengeluarkan pelbagai garis panduan seperti Surat Pekeliling KPKM Bilangan 3 Tahun 2010 berkaitan Panduan Pendaftaran Taman Asuhan Kanak-Kanak di Negeri, pekeling dan arahan dari semasa ke semasa bagi memastikan TASKA berdaftar beroperasi dengan memenuhi standard minimum yang ditetapkan sebagaimana peruntukan-peruntukan Akta 308 dan Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012.
- 2.2 Bersesuaian dengan peredaran masa, semakan dan penambahbaikan terhadap perkara ini perlu dilakukan bagi memastikan TASKA berdaftar dapat memainkan peranan yang lebih baik dalam memenuhi kehendak JKM, pemegang taruh yang lain serta ekspektasi masyarakat.

## **3. OBJEKTIF**

- 3.1 Mewujudkan garis panduan khusus kepada pengusaha berkaitan keselamatan kanak-kanak di TASKA berdaftar bagi memastikan ianya adalah premis yang selamat, tenteram dan kondusif bagi kanak-kanak;
- 3.2 Mewujudkan piawaian standard terhadap semua aspek keselamatan di TASKA; dan
- 3.3 Mewujudkan dasar dan prosedur yang terpakai kepada semua urusan berkaitan dengannya.

## **4. PUNCA KUASA/ UNDANG-UNDANG BERKAITAN**

- 4.1 Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308]
- 4.2 Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012;

- 4.3 Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611];
- 4.4 Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [Akta 792]; dan
- 4.5 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709].

## **5. TUJUAN**

Garis Panduan ini adalah untuk Pengusaha TASKA:

- 5.1 Mencegah sebarang kemungkinan berlaku bahaya dan kecederaan kepada kanak-kanak;
- 5.2 Mencegah sebarang perbuatan berunsur jenayah;
- 5.3 Mengambil tindakan segera jika terdapat perkara mencurigakan;
- 5.4 Menyediakan maklumat pembuktian dan dokumen sokongan kepada sebarang siasatan sama ada dalaman TASKA atau pihak pemegang taruh yang lain; dan
- 5.5 Memantau pengoperasian TASKA.

## **6. SKOP**

Garis Panduan ini memberi fokus kepada empat (4) perkara berikut:

- 6.1 Pengurusan Log Harian Kanak-Kanak di TASKA;
- 6.2 Pemantauan dan kawalan pengusaha terhadap pengoperasian TASKA;

- 6.3 Penetapan Kursus Asas Pertolongan Cemas dan Resusitasi Kardiopulmonari (CPR) kepada pengasuh atau kakitangan di TASKA; dan
- 6.4 Panduan pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di TASKA.

## **7. KAEDAH PELAKSANAAN**

### **7.1 Pengurusan Log Harian Kanak-Kanak Di TASKA**

#### **7.1.1 Tanggungjawab Ibu bapa**

- (a) Ibu bapa /penjaga hendaklah memilih TASKA berdaftar sebelum menghantar anak ke TASKA. Kegagalan memilih TASKA berdaftar boleh dikenakan tindakan sebagaimana peruntukan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001;
- (b) Ibu bapa/ penjaga hendaklah memaklumkan ketidakhadiran atau kelewatan penghantaran anak ke TASKA dalam tempoh 30 minit dari waktu sepatutnya dihantar ke TASKA;
- (c) Ibu bapa /penjaga hendaklah membuat pemeriksaan fizikal dan emosi anak setiap hari; dan
- (d) Mempunyai komunikasi yang baik dengan pengusaha/pengasuh

#### **7.1.2 Tanggungjawab Pengusaha**

- (a) Hendaklah menyediakan Log Harian bagi setiap kanak-kanak di TASKA
- (b) bertanggungjawab mengetahui keberadaan kanak-kanak sekiranya tiada pemakluman daripada ibu bapa/ penjaga

tentang ketidakhadiran atau kelewatan kanak-kanak ke TASKA.

- (c) Mempunyai hubungan komunikasi yang baik dengan ibu bapa/ penjaga dalam memastikan maklumat keberadaan kanak-kanak dapat disampaikan. **Pemakluman boleh dibuat sama ada melalui panggilan telefon atau pesanan ringkas (seperti *short-messaging services* – SMS, melalui media sosial seperti *WhatsApp*, *Telegram* dan lain-lain) selewat-lewatnya dalam tempoh 30 minit dari waktu kanak-kanak sepatutnya sampai ke TASKA.**
- (d) Hendaklah membuat catatan di log harian kanak-kanak selepas tindakan di Para 7.1.2 (c) diambil.
- (e) Pengusaha hendaklah membuat pemantauan dan pengesahan log harian sekurang-kurangnya sekali setiap minggu terhadap TASKA di bawah kawalannya.

## **7.2 Pemantauan Dan Kawalan Pengusaha Terhadap Pengoperasian TASKA**

7.2.1 Setiap TASKA hendaklah mempunyai **Log Pemeriksaan Pengurusan TASKA.**

7.2.2 Pengusaha hendaklah membuat pemantauan terhadap pengoperasian TASKA yang **merangkumi aspek keselamatan, kesihatan, kebersihan, pemakanan dan kakitangan.**

7.2.3 Pengusaha hendaklah hadir dan memantau pengoperasian TASKA sekurang-kurangnya sekali seminggu dan merekodkan kehadiran di dalam log tersebut.

7.2.4 Pengusaha hendaklah memastikan semua standard minimum pengoperasian TASKA dipatuhi pada setiap masa.

7.2.5 Pengusaha hendaklah memantau tatakelakuan pengasuh/ kakitangan dalam memastikan kesediaan fizikal dan mental mereka berada dalam tahap yang memuaskan pada setiap masa. Perkara ini boleh dipantau berdasarkan pemerhatian serta maklumbalas atau aduan yang diterima.

### **7.3 Penetapan Kursus Asas Pertolongan Cemas Dan Resusitasi Kardiopulmonari (CPR) Kepada Pengasuh Atau Kakitangan TASKA**

7.3.1 Sebagai langkah membantu kanak-kanak yang terlibat dengan insiden kecederaan atau kecemasan seperti tercekik, melecur, sawan atau gangguan pernafasan, pengusaha hendaklah **memastikan sekurang-kurangnya salah seorang pengasuh/ kakitangan yang bekerja di TASKA mempunyai sijil Kursus Asas Pertolongan Cemas dan Resusitasi Kardiopulmonari (CPR) pada setiap masa.**

7.3.2 Langkah ini akan dapat membantu menghentikan kecederaan atau insiden kecil daripada menjadi lebih buruk dan dalam kes kecemasan perubatan, kemahiran ini mungkin dapat menyelamatkan nyawa.

7.3.3 Pengusaha hendaklah membuat catatan pada Log Pemantauan Pengusaha selepas tindakan ini diambil.

7.3.4 Pengusaha hendaklah memastikan peti pertolongan cemas sentiasa disenggara supaya boleh digunakan pada bila-bila masa yang diperlukan.



## 7.4 Panduan Pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV) Di TASKA

7.4.1 Pengusaha hendaklah mematuhi perkara berikut:

- (a) CCTV yang dipasang hendaklah mempunyai kualiti minimum resolusi/ pixel sekurang-kurangnya 1080pHD dan mestilah menghasilkan kualiti cerapan imej yang jelas, tepat serta boleh:
  - i. menggambarkan ciri-ciri muka dan rupa fizikal individu dengan tidak kabur serta perincian lain seperti warna pakaian; dan
  - ii. menggambarkan objek persekitaran dengan terperinci.
- (b) CCTV yang dipasang hendaklah merakamkan kesemua ruang-ruang berikut:
  - i. Ruang aktiviti,
  - ii. Ruang makan,
  - iii. Ruang rehat,
  - iv. Ruang dapur/ pantry (jika ada);
  - v. Bilik isolasi/ *sickbay*;
  - vi. Ruang *porch* di hadapan premis; dan
  - vii. Ruang lain yang difikirkan wajar atas arahan Pegawai DiBeri Kuasa.
- (c) Tiada titik buta (*blind spot*) di kawasan liputan CCTV;
- (d) CCTV hendaklah berfungsi sepanjang tempoh TASKA beroperasi;
- (e) Pengusaha TASKA hendaklah mempamerkan

papan tanda/ *signage*/ notis yang bertulis “Kawasan ini diawasi oleh CCTV” berserta logo yang bersesuaian. Ia hendaklah menggunakan huruf yang terang dan senang dibaca;

- (f) Kata laluan bagi mengakses rekod CCTV hendaklah dikawal dan mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi;
- (g) CCTV juga hendaklah diletakkan di mana jarak antara satu kamera ke kamera lain perlu ada “*clear line of sight*” bagi mengelak dirosakkan oleh mana-mana pihak (*vandalism*);
- (h) Rekod rakaman CCTV perlu dikemukakan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) sekiranya berlaku apa-apa insiden yang menjejaskan keselamatan kanak-kanak;
- (i) Keupayaan membuat salinan/ muat turun segmen rakaman imej di dalam format asal dan diubah ke format yang boleh dibaca melalui mana-mana *media player* dan disimpan di media simpanan yang tidak boleh diubah dan mempunyai ciri-ciri keselamatan seperti *watermark* atau tandatangan digital;
- (j) Sekiranya berlaku apa-apa insiden atau aduan yang melibatkan kanak-kanak, ibu bapa /penjaga boleh memohon kepada pengusaha untuk melihat rakaman CCTV.
- (k) Pengusaha/ Pengurus/ Penyelia hendaklah membuat semakan rakaman CCTV bagi mengesan sebarang kejadian yang mencurigakan yang berlaku di premis tersebut. Semakan rakaman hendaklah direkodkan di dalam Log

Pemantauan CCTV. Pengurus /Penyelia TASKA hendaklah memaklumkan serta merta kepada Pengusaha jika terdapat sebarang kejadian yang mencurigakan dan hendaklah direkodkan dalam Log Pemantauan CCTV;

- (l) Penyelenggaraan CCTV hendaklah dilakukan secara berjadual dan direkodkan dalam Log Pemantauan CCTV; dan
- (m) Rakaman CCTV hanya boleh disalin bagi tujuan siasatan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) atau JKM sahaja.

## **8. PENUTUP**

Garis panduan ini diharap akan membantu memastikan aspek keselamatan kanak-kanak di TASKA sentiasa dititik beratkan oleh Pengusaha TASKA berdaftar dalam memastikan kebajikan kanak-kanak sentiasa diutamakan.